

Praktis 3

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

Frasa (Ara R)

- 1 Zara amat rindukan kakaknya yang sedang menyambung pelajaran di Australia.
A rindukan amat kakaknya
B amat rindu akan kakaknya
C amat rindu dengan kakaknya
D amat rindukan kakaknya
- 2 Usahawan itu berharap agar perniagaannya bertambah maju dari masa ke semasa.
A daripada masa ke semasa
B daripada semasa ke semasa
C dari semasa ke semasa
D dari masa ke semasa
- 3 Beliau merupakan pemain badminton yang paling hebat sekali pada peringkat antarabangsa.
A yang paling hebat
B yang paling sekali hebat
C yang terpalang hebat sekali
D yang paling hebat sekali
- 4 Kebanyakan pelancong asing amat tertarik dengan keindahan pulau yang terdapat di negara kita.
A tertarik keindahan pulau
B tertarik oleh keindahan pulau
C tertarik pada keindahan pulau
D tertarik dengan keindahan pulau
- 5 Hanif menunggu ayahnya menjalani pemeriksaan kesihatan di hospital selama satu jam setengah.
A satu setengah jam
B setengah satu jam
C jam satu setengah
D satu jam setengah
- 6 Semua murid-murid perlu membuat persiapan untuk menghadapi Ujian Akhir Sesi Akademik.
A Semua murid
B Segala murid-murid
C Setiap murid-murid
D Semua murid-murid
- 7 Juadah yang dihidangkan semasa majlis kesyukuran itu nenek saya masak sejak awal pagi.
A dimasak oleh nenek saya
B nenek saya yang memasak
C masakan nenek saya
D nenek saya masak
- 8 Cikgu Damia menerangkan tentang kepentingan hutan kepada murid-muridnya.
A menerangkan kepentingan hutan
B menerangkan akan kepentingan hutan
C menerangkan kepada kepentingan hutan
D menerangkan tentang kepentingan hutan
- 9 Baju kurung moden itu harganya agak mahal kerana diperbuat dari kain songket yang bermutu tinggi.
A dibuat dari kain songket
B diperbuat daripada kain songket
C dibuatkan daripada kain songket
D diperbuat dari kain songket
- 10 Sambutan Hari Kebangsaan peringkat sekolah diadakan bagi untuk menanamkan semangat patriotik dalam kalangan murid.
A bagi ditanam semangat patriotik
B untuk menanamkan semangat patriotik
C bagi untuk menanam akan semangat patriotik
D bagi untuk menanamkan semangat patriotik
- 11 Semua murid tidak dibenarkan masuk ke dalam makmal sains tanpa kebenaran guru.
A di makmal sains
B kepada makmal sains
C dalam makmal sains
D ke dalam makmal sains

- 12 Pohon kelapa di belakang rumah datuk saya sungguh amat tinggi.
A sungguh tinggi
B sungguh amat tertinggi
C sungguh teramat tinggi
D sungguh amat tinggi
- 13 Masalah itu sudah Encik Amirul selesaikan semalam.
A sudah Encik Amirul selesai
B sudah diselesaikan oleh Encik Amirul
C sudah Encik Amirul menyelesaikan
D sudah Encik Amirul selesaikan
- 14 Lain-lain hal turut dibincangkan dalam mesyuarat itu semalam.
A Hal-hal lain
B Hal yang lain-lain
C Lain hal-hal
D Lain-lain hal
- 15 Rombongan pengantin lelaki dijangka tiba ke rumah pengantin perempuan pada pukul 12:30 tengah hari.
A tiba rumah pengantin perempuan
B tiba pada rumah pengantin perempuan
C tiba kepada rumah pengantin perempuan
D tiba ke rumah pengantin perempuan
- 16 Puan Izati memandang kepada kanak-kanak yang sedang memancing ikan di sungai itu.
A memandang kanak-kanak
B memandang pada kanak-kanak
C terpancang kepada kanak-kanak
D memandang kepada kanak-kanak
- 17 Budak nakal itu mengakui akan segala kesalahannya.
A mengakui segala kesalahannya
B mengakui dengan segala kesalahannya
C mengakui pada segala kesalahannya
D mengakui akan segala kesalahannya
- 18 Balqis amat minat dengan penyanyi tersohor tanah air, iaitu Allahyarham Dato' Sudirman Haji Arshad.
A amat minat penyanyi tersohor tanah air
B amat berminat penyanyi tersohor tanah air
C amat minat akan penyanyi tersohor tanah air
D amat minat dengan penyanyi tersohor tanah air
- 19 Dia akan melaporkan perkembangan projek itu kepada Encik Azmi esok.
A akan lapor perkembangan projek itu
B akan laporan perkembangan projek itu
C akan melapor perkembangan projek itu
D akan melaporkan perkembangan projek itu
- 20 Setiap bilik-bilik tidur di rumah Puan Mei Yin dilengkapi alat pendingin hawa.
A Tiap bilik tidur
B Setiap bilik tidur
C Tiap bilik-bilik tidur
D Setiap bilik-bilik tidur
- 21 Sekumpulan pelancong Inggeris sedang berjemur di tepi pantai itu.
A Sekumpulan para-pelancong Inggeris
B Sekumpulan para pelancong Inggeris
C Kumpulan pelancong Inggeris
D Sekumpulan pelancong Inggeris
- 22 Majalah-majalah lama itu sudah disimpan oleh saya di dalam stor pada pagi tadi.
A saya sudah simpan
B sudah saya simpan
C sudah saya menyimpan
D sudah disimpan oleh saya